



CENDEHAHATI ... Zainal (tengah) menerima cenderahati daripada Azhar sambil diperhatikan Noraini pada Majlis Makan Malam sempena Program mesyuarat JPPPA di hotel Palm Beach Resort and Spa, Manikar.

MAMPU adakan mesyuarat JPPPA di Labuan

LABUAN: Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAM-PU) mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pemodenan Pentadbiran Awam (JPPPA) 2016 di Wilayah Persekutuan Labuan yang berlangsung di Hotel Aifa, dekat sini pada Isnin.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MAMPU Dato' Sri Zainal Rahim Seman yang turut dihadiri kira-kira 60 pegawai kanan yang terdiri daripada Timbalan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) daripada pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan.

Selain mengadakan mesyuarat, rombongan tersebut terlebih dahulu telah ditarikan dalam satu majlis makan malam yang dihoskan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Adhar Ahmad di Hotel Palm Beach Resort dan Spa, Manikar pada malam Ahad.

Hadir sama, Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Haji Yunus Haji Kurus, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Noraini Abd. Wahab, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam, Dato Sabariah Hassan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Per-

badanan Labuan, Mohd Zamri Mohd Esa dan Ahli-Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan.

Rombongan tersebut juga turut berkesempatan di bawa melawat ke destinasi pelancong di Perkampungan Air Patau-Patau Satu.

Sementara itu, Dato Sri Zainal ketika ditemui pemberita berkata mesyuarat JPPPA yang diadakan dua kali setahun ini bertujuan untuk membincangkan pelbagai isu termasuk dalam meningkatkan penyempaian maklumat yang lebih berkesan kepada rakyat di peringkat akar umbi.

"Mesyuarat ini juga merupakan medium komunikasi antara penggunaan tertinggi MAMPU bersama Pegawai Kanan Jabatan Kerajaan selain berbincang mengenai penyelesaian kepada segala permasalahan dalam pelaksanaan tugas serta membincangkan idea-idea baharu yang lebih inovatif dalam aspek penambahbaikan penyempaian perkhidmatan awam," katanya.

Beliau turut menjelaskan, secara keseluruhannya, prestasi penyempaian kerajaan telahpun berada di landasan yang betul dan 95 peratus daripadanya berada ditahap yang dapat memberikan kepuasan kepada rakyat. Katanya, ketika ini MAM-

PU telah menyediakan lebih 11,000 sistem penyempaian dalam bentuk talian yang boleh diakses oleh orang ramai melalui laman sesawang pelbagai agensi kerajaan dan kementerian yang lebih menjurus kepada isu-isu pembangunan semasa.

"Kami telah menyediakan lebih daripada 11, 000 sistem penyempaian dalam talian untuk orang ramai untuk mengakses ke laman web pelbagai kementerian yang berkaitan dengan isu-isu pembangunan semasa," katanya.

Zainal berkata, MAMPU berusaha ke arah meningkatkan sistem penyempaian dengan memberi penekanan kepada sistem penyempaian berteraskan rakyat.

"Kami mahu membina sistem yang boleh diterima oleh rakyat, bukan semata-mata dilihat sebagai sistem kerajaan-centric ini," katanya.

Zainal berkata, MAMPU juga sedang berusaha bersama-sama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan agensi-agensi untuk bertukar-tukar idea berkaitan IT bagi mengatasi dan menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan dalam media sosial. - **OLEH JAIN-UDIN DJIMIN - jainudin@newsabah-times.com.my**



TAKLIMAT ... Zainal (tiga kanan) bersama rombongan ketika mendengar taklimat pembangunan di Kampung Patau-Patau.